

Lembaran Maklumat Produk – Jaminan Perkapalan-i

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima kemudahan Jaminan Perkapalan-i. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan dari Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad

Jaminan Perkapalan-i (SG-i)

<Tarikh>

1. Apakah kemudahan Jaminan Perkapalan-i?

- ✓ SG-i adalah satu kemudahan di mana Bank menjamin syarikat perkapalan untuk melepaskan barangan kepada Pembeli/ Pengimport tanpa mengemukakan Bil Muatan (BL) yang asal. Ia boleh didefinisikan sebagai jaminan yang diberikan oleh satu pihak kepada Pemilik barangan, yang telah meletakkan atau menyimpan barangannya dengan syarikat perkapalan, di mana setiap tuntutan oleh Pemilik untuk barangannya mesti dipenuhi oleh Penjamin.
- ✓ Produk ini ditawarkan kepada anda sekiranya anda mempunyai kemudahan Surat Kredit-i dengan Bank Islam. Sila rujuk Lembaran Maklumat Produk Surat Kredit-i untuk maklumat lanjut.

2. Apakah kontrak/ konsep Syariah yang digunakan?

- ✓ Kontrak Syariah yang digunakan adalah Kafalah (Jaminan) dengan Ujah (Fi), iaitu kontrak di mana Bank (Penjamin) menjamin sebarang tuntutan, hutang atau kewajipan yang harus ditanggung oleh Penghutang, Pembekal atau Kontraktor. Sekiranya Penghutang, Pembekal atau Kontraktor tersebut gagal memenuhi kewajibannya, Penjamin bertanggungjawab untuk memenuhi kewajipan tersebut. Bank akan mengenakan fi untuk pengeluaran SG-i.
- ✓ Struktur produk SG-i adalah seperti berikut:

No	Penerangan
1	Pembeli/ pengimport memohon SG-i dari Bank. Pembeli/ pengimport hendaklah mematuhi prosedur Bank.
2	Bank mengeluarkan SG-i untuk pembeli.
3	Pembeli/ pengimport mengemukakan SG-i kepada Syarikat Perkapalan/ ejen dan mengambil barangan yang dimaksudkan
4	Bank pengeksport menyerahkan Bil Muatan (BL) asal bersama dengan dokumen lain yang berkenaan kepada Bank.
5	Bank kemudian mengemukakan dokumen-dokumen berikut kepada pembeli/ pengimport: a) Bil Muatan asal boleh runding bersama dengan dokumen lain yang berkaitan yang telah disahkan oleh Bank dengan "Penebusan Jaminan Perkapalan No untuk Bank Islam Malaysia Berhad". b) Surat Nasihat yang ditujukan kepada Syarikat Perkapalan (meminta mereka mengembalikan SG-i yang asal untuk tujuan pembatalan).
6	Pembeli/ pengimport kemudian mengemukakan Bil Muatan yang telah disahkan tersebut dan Surat Nasihat kepada Syarikat Perkapalan untuk pertukaran dengan SG-i yang asal.
7	a) Syarikat Perkapalan/ ejen mengembalikan SG-i atau Surat Pelepasan kepada pembeli/

	pengimport; atau b) Menghantar Surat Pelepasan secara terus kepada Bank untuk tujuan pembatalan.
8	Pembeli/ pengimport kemudian mengemukakan/ mengembalikan SG-i; atau Surat Pelepasan kepada Bank untuk pembatalan (hanya terpakai di bawah syarat 7a).

3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

<input checked="" type="checkbox"/> Jumlah amaun Jaminan	Hingga 100% daripada amaun yang dituntut oleh syarikat perkapalan
<input checked="" type="checkbox"/> Tempoh	Tiada tempoh terlibat
<input checked="" type="checkbox"/> Kadar Komisen Efektif Bank	<ul style="list-style-type: none"> • 0.1% rata daripada jumlah invois atau minimum RM100.00 (untuk LC-i) dan minimum RM200.00 (untuk bukan LC-i) • 0.5% setahun daripada amount invois jika SG-i/ Surat Pelepasan tidak dikembalikan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan dengan minimum RM50.00

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Apabila Bil Muatan yang asal telah tiba, anda perlu mengembalikan SG-i/ Surat Pelepasan untuk penebusan dalam masa 3 bulan dari tarikh pengeluaran SG-i.

5. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

- Duti Setem (seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]).
- Fi dan Komisen.
- Bayaran pos and Perkhidmatan Kiriman Cepat (Jika ada).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lebih lanjut mengenai fi dan caj.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Jika anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya, tindakan yang berikut akan dikenakan :-
 - **Sekiranya berlaku kemungkiran, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan**
 - a. Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak daripada anda dan/ atau penjamin;
 - b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit anda atau akaun lain yang diuruskan oleh Bank untuk menyelesaikan pembayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - c. Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal bertindak terhadap peringatan dan/ atau notis tuntutan. Bank akan menggunakan haknya atas sebarang cagaran yang telah diberikan kepada pihak Bank dan anda akan menanggung segala kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembiayaan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa hadapan; dan
 - d. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.
 - **Pembayaran Lewat**
Bank akan mengenakan Ta'widh (gantirugi) ke atas anda seperti berikut (sekiranya berkenaan):

- a. Sebelum tarikh matang kemudahan
Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh;
- b. Selepas tarikh matang kemudahan
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam dikira ke atas baki pembiayaan iaitu baki Harga Jualan Bank setelah ditolak Ibra' (jika ada);
- c. Hutang selepas penghakiman
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Nota : Pengenaan Ta'widh adalah dengan cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- ✓ Tidak, anda tidak perlu mengambil perlindungan Takaful untuk kemudahan ini.

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- ✓ Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, Bank Islam mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda untuk menghantar permohonan.

9. Apakah risiko utama?

- ✓ Setelah pengeluaran SG-i, anda bertanggungjawab untuk melunaskan pembayaran walaupun dokumen yang diterima mengandungi kesilapan.

10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

- ✓ Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat menyelesaikan kemudahan, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkenaan dengan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:-

Operasi Perdagangan
Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 13, Menara Bank Islam
No. 22, Jalan Perak
50450 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086
Faks: 03-2782 1346

Atau

Perbankan Korporat

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 27, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel.: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: (to be filled by our RM's)

Atau

Perbankan Komersial

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 23, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel.: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: (to be filled by our RM's)

Atau

Perbankan PKS

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 16, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Pegawai Perhubungan: (to be filled by our RM's)

Tel.: (to be filled by our RM's)

Faks: 03-2726 7818

E-mel: sme-assist@bankislam.com.my

- ✓ Untuk membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan

Bank Islam Malaysia Berhad

Tingkat 17, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel.: 03-26 900 900

Faks: 03-2782 1337

E-mel: contactcenter@bankislam.com.my

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan secara percuma perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

*Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel.: 603 -2616 7766
Faks: 603 -2616 7601
Laman web: akpk.org.my*

- ✓ Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
*Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my*

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- ✓ Sebarang maklumat lanjut mengenai SG-i, sila rujuk cawangan-cawangan kami atau hubungi:

**Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad**
*Tingkat 17, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-26 900 900
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my
www.bankislam.com*

13. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang disediakan?

1. Tawarruq Perdagangan-i
2. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Belian)
3. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)
4. Surat Kredit-i
5. Surat Pemindahan Kredit-i
6. Jaminan Bank-i
7. Bil Terima-i (Jualan)
8. Bil Terima-i (Belian)
9. Bil Pertukaran Belian-i
10. Bil Berdokumen untuk Pungutan-i
11. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
12. Surat Kredit Persediaan-i

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN ANDA.

Nota:

1. Maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan / atau caj mungkin berbeza dan tertakluk pada terma-terma dan syarat-syarat Bank Islam.
2. Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 29/12/2021.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: